

14/05/2001

Embun serlah bakat Rohiman.

Hanisah Selamat

NAMANYA sebelum ini mungkin kurang dikenali dalam dunia filem tetapi itu bukan bermakna dia tidak berbakat.

Sebagai bukti naskhahnya memiliki nilai estetika, Filem Negara Malaysia (FNM) dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) kini memindahkan karyanya itu ke layar perak menerusi filem Embun.

Itulah tuah Rohiman Haroon, 39, yang sebelum ini bergiat dalam bidang penulisan novel.

Embun yang bakal diarahkan Erma Fatima antara lain mengetengahkan kisah seorang gadis pada zaman penjajahan Jepun yang memperjuangkan maruah wanita.

Penerbitan Embun dialih ke layar perak daripada novel asal Rohiman berjudul Titisan Air Mata Embun.

Asalnya, kisah berlatarbelakangkan era 40-an itu mendapat perhatian panel juri yang menghakimi satu pertandingan penulisan skrip yang disertai Rohiman pada 1998. Hasilnya, bekas wartawan itu meraih tempat kedua.

Malah sebuah lagi novel karya penulis itu yang disenaraikan sebagai karya terbaik dalam pertandingan itu ialah Saga.

"Penulisan novel sebati dalam hidup saya sebelum bergelar wartawan lagi. Ia memberi gambaran mengenai senario berkaitan tempat, masa serta zaman ia diilhamkan.

"Karya saya biasanya mengambil latar sejarah dan merujuk masyarakat ketika itu. Namun pada peringkat awal, saya terpaksa membuat kajian dan tinjauan sebelum menulis," katanya kepada Persada Seni, baru-baru ini.

Titisan Air Mata Embun mengambil lokasi di negeri kelahiran penulis terbabit iaitu Pulau Pinang. Ia juga tapak awal penempatan tentera Negara Matahari Terbit pada zaman terbabit.

Embun berkisar pergolakan tiga watak iaitu Embun, abangnya, Bayu serta kekasih gadis itu yang juga pegawai kanan tentera Jepun, Leftenan Koishi.

Tumpuan utama difokuskan kepada wanita Melayu ketika itu yang lantang bersuara dan cekal menghadapi rintangan biarpun keselamatan diri diancam keganasan.

Malah gadis yang diragut kesuciannya oleh Jepun itu cuba bangun mempertahankan maruah bangsa dan negara sekalipun perasaannya bercampur aduk.

Pada masa yang sama, rasa kasihnya untuk pegawai Jepun itu turut goyah berikutan halangan abangnya, Bayu.

Menurutnya, idea novel berkenaan tercetus apabila dia bertemu seorang wanita keturunan Jepun beberapa tahun lalu yang dikatakan tinggal di Pulau Mutiara ketika Jepun mendarat.

Namun kehidupan wanita melebihi separuh abad itu cukup misteri yang tidak diketahui identiti serta tujuan sebenar kedatangannya ke Malaya hingga masyarakat setempat menganggapnya sebagai pengintip.

"Saya suka membuat andaian antara kaitan sesuatu kejadian dengan masyarakat. Apabila bertemu wanita itu, saya tertarik mengetahui kisah seterusnya.

"Ia mendorong saya berjumpa mereka yang mengenalinya untuk mendapatkan cerita. Mungkin ia tidak seperti disangkakan tetapi kisahnya cukup istimewa dan berkaitan sejarah kita.

"Walaupun kini dia sudah tiada, saya terus membuat penyelidikan sama ada dakwaan itu ada kebenarannya. Cerita orang lama juga saya jadikan panduan," jelas Rohiman.

Dia mengambil masa selama setengah tahun menghasilkan Titisan Air Mata Embun menerusi penyelidikan di beberapa kawasan terutama sekitar Pulau Pinang.

Sebenarnya watak wanita berkenaan diambil sempena nama ibunya, Embun yang diibaratkan sebagai wanita berhati waja apabila turut sama `turun' padang dan bergiat di bidang politik pada zaman mudanya.

"Perwatakan ibu saya adalah lukisan sebenar watak itu. Dia bijak menyuarakan pendapat, lantang tetapi tetap dilingkungi adat. Saya kagum dengan cita-citanya yang tinggi," katanya.

Beliau berkata, skrip filem itu masih diperbaiki untuk mencantikan lagi kronologi kisah. Beberapa adegan ditambah daripada skrip asal bagi mewujudkan unsur suspen.

Pelancaran filem disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Mac lalu. Penggambarannya akan bermula akhir Mei ini dan skripnya masih lagi diperbaiki panel khas.

"Biarpun jalan cerita dan perwatakan lari sedikit dari cerita asal apabila menyelitkan unsur dramatik menerusi babak perkosaan, ia tidak mencacatkan asas ceritanya.

"Saya menganggap peralihan karya ini ke layar perak sebagai satu dorongan untuk menghasilkan skrip yang lebih baik terutama berkaitan sejarah bangsa," ujar Rohiman.

(END)